



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

914 ORANG PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR DAN AGENSI TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2012

PUTRAJAYA, 26 MAC 2013 – YB Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin hari ini menyampaikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi bagi tahun 2012 kepada pegawai dan kakitangan di KWPKB dan agensi yang berprestasi cemerlang, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

2. YAB Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini telah mengumumkan kenaikan satu tangga gaji berkuatkuasa pada Julai 2013 kepada semua penjawat awam di negara ini dalam menghargai sumbangan mereka dalam perkhidmatan awam. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan agensi-agensinya pula, seramai **914 orang** penjawat awam menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atas sumbangan dan komitmen yang telah diberikan kepada kementerian dan agensi. Dari keseluruhan jumlah penerima APC, **25 orang** adalah pegawai yang berkhidmat di **KWPKB**, **753 orang** daripada **DBKL**, **69 orang** daripada **Perbadanan Putrajaya**, **43 orang** daripada **Perbadanan Labuan**, **22 orang** daripada **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan** dan **2 orang** daripada **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**.

3. Pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 telah dibuat berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dalam **Pekeliling Kemajuan**

Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2002 dan dipertimbangkan berdasarkan **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** yang cemerlang, bebas daripada tindakan tatatertib, kesalahan jenayah dan tapisan keutuhan SPRM, pernah menerima **Anugerah Pegawai Contoh Bulanan bagi tahun 2012** serta **towering personality** yang ditunjukkan oleh warga kerja.

4. Penghargaan ini adalah merupakan inisiatif yang diberikan oleh Kementerian dan agensi-agensinya kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2012 serta sumbangan tenaga, masa dan komitmen ke atas kerja-kerja yang diamanahkan. Adalah diharapkan agar mereka dapat mengekalkan prestasi cemerlang kerja masing-masing dan seterusnya menjadi contoh kepada semua pegawai dan kakitangan di Kementerian dan agensi masing-masing.
5. Melalui penganugerahan ini, diharap akan dapat meningkatkan motivasi para penjawat awam ke arah meningkatkan kualiti kerja yang lebih baik dan memberangsangkan dalam usaha merealisasikan Program Transformasi Kerajaan. Kejayaan penjawat awam di peringkat nasional dan antarabangsa juga dapat meningkatkan produktiviti Negara serta menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran Negara dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang. Selain itu juga, penjawat awam merupakan penggerak utama jentera pentadbiran kerajaan ke arah melaksanakan semua program kerajaan dari semasa ke semasa melalui pendekatan *blue ocean strategy*. Penerapan pemikiran ini berupaya menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif, meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dan menghasilkan impak yang tinggi dengan penggunaan sumber sedia ada yang minimum.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

26 Mac 2013

PUTRAJAYA

STATISTIK PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
DAN AGENSI
DARI TAHUN 2010 HINGGA 2012

Bil	Kem/Agensi	2010	2011	2012
1	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	24	25	25
2	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	809	777	753
3	Perbadanan Putrajaya	69	68	69
4	Perbadanan Labuan	41	41	43
5	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan	21	22	22
6	Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	2	2	2
Jumlah		966	935	914